

## HELAIAN MAKLUMAT PRODUK

Sila baca Helaian Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk JAMINAN BANK (BG-i) Maybank Islamic. Sila pastikan anda telah membaca terma dan syarat am dengan teliti).

Nama Produk:

JAMINAN BANK (BG-i)

Tarikh:

[Tarikh helaian ini diberikan kepada pelanggan untuk diisi oleh Staf]

### 1. APAKAH PRODUK INI?

JAMINAN BANK (BG-i) MERUPAKAN SATU KEMUDAHAN DI MANA PIHAK BANK (PENJAMIN) MEMBERI AKUJANJI SECARA BERTULIS ATAS PERMINTAAN PEMOHON (PRINSIPAL) UNTUK MEMBAYAR SEJUMLAH WANG YANG DINYATAKAN KEPADA BENEFISIARI JIKA PEMOHON GAGAL MEMENUHI TUNTUTAN TERHADAP BENEFISIARI MENURUT TERMA DAN SYARAT JAMINAN.

BG-i HANYA TERPAKAI KEPADA TRANSAKSI SYARIAH YANG TIDAK MELIBATKAN TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA UNSUR PERJUDIAN, FAEDAH / RIBA DAN APA-APA BENTUK URUSAN TIDAK BERMORAL, PENIPUAN DAN URUSAN TIDAK ADIL.

### 2. APAKAH KONTRAK SYARIAH YANG DIGUNAKAN?

- KAFALAH

IA MERUJUK KEPADA JAMINAN YANG DIBERIKAN OLEH SATU PIHAK YANG BERSETUJU UNTUK MELEPASKAN TANGGUNGAN PIHAK KETIGA, DALAM KES KEMUNGKIRAN.

### 3. APAKAH YANG BOLEH SAYA PEROLEHI DARIPADA PRODUK INI?

JAMINAN KE ATAS LIABILITI YANG DINYATAKAN/ DIKEHENDAKI OLEH BENEFISIARI DALAM MEMENUHI KEPERLUAN KONTRAK.

### 4. APAKAH TANGGUNGJAWAB SAYA?

MEMATUHI TERMA DAN SYARAT KEMUDAHAN PERDAGANGAN ISLAM YANG DIBERIKAN OLEH BANK SEBAGAIMANA YANG DINYATAKAN DI DALAM BORANG PERMOHONAN, SURAT TAWARAN, SYARAT-SYARAT UMUM DAN SYARAT AM KEMUDAHAN PERDAGANGAN.

ANDA BERTANGGUNGJAWAB DAN MENANGGUNG KERUGIAN KE ATAS BANK APABILA BANK BERTINDAK SEBAGAI PENJAMIN BAGI SEMUA TANGGUNGJAWAB YANG DIKENAKAN DI BAWAH KEMUDAHAN IBG-i. INI TERMASUK KEMUDAHAN IBG-i DI MANA PRINSIPAL BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENJAMIN SEKIRANYA BERLAKU KEMUNGKIRAN.

### 5. BERAPAKAH YURAN DAN CAJ YANG PERLU DIBAYAR?

▪ FI

a) BAGI TEMPOH JAMINAN BANK:

JENIS-JENIS JAMINAN BANK-i (BG-i)	JUMLAH
i) BG-i DIJAMIN SEPENUHNYA OLEH DEPOSIT TUNAI ATAU DEPOSIT TETAP	0.05% SEBULAN DENGAN MINIMUM RM100.00
ii) BG-i DIKELUARKAN TANPA CAGARAN, ATAU SEBAHAGIANNYA /SEPENUHNYA DIJAMIN OLEH ASET MISALNYA HARTATANAH, SAHAM DAN LAIN-LAIN	0.125% SEBULAN (MELAINKAN JIKA KELULUSAN KHUSUS DARIPADA IBU PEJABAT TELAH DIPEROLEHI UNTUK KADAR YANG LEBIH RENDAH) DENGAN SEKURANG-KURANGNYA RM 100.00

B) JIKA TEMPOH TUNTUTAN ITU KURANG DARIPADA TIGA PULUH (30) HARI, CAJ KOMISEN PADA TEMPOH TUNTUTAN HARUS SATU (1) BULAN.

CONTOH:

ISU UNTUK TEMPOH	CAJ KOMISEN
3 BULAN DENGAN TEMPOH TUNTUTAN 30 HARI	4 BULAN
12 BULAN DENGAN TEMPOH TUNTUTAN 30 HARI	13 BULAN

▪ DUTI SETEM

SEBAGAIMANA TERCATAT DIDALAM AKTA SETEM 1949.

▪ LAIN-LAIN YURAN

SEMUA KOS PERBELANJAAN SEPERTI YURAN GUAMAN DAN LAIN-LAIN CAJ YANG TERLIBAT DALAM PENYEDIAAN DOKUMEN, PENYEMPURNAAN DAN PENDAFTARAN DOKUMEN SEKURITI PIHAK BANK

▪ YURAN PENGENDALIAN

RM 50 SETIAP TRANSAKSI

SILA RUJUK LINK DI BAWAH UNTUK YURAN DAN CAJ TERKINI.

[https://www.maybank2u.com.my/mbb\\_info/m2u/public/personalDetail04.do?cntTypeld=0&cntKey=BFIN02.06.01&programId=BFIN02.06-Charges&chCatId=/mbb/Business/BFIN-Financing/BFIN02-TradeFinancing](https://www.maybank2u.com.my/mbb_info/m2u/public/personalDetail04.do?cntTypeld=0&cntKey=BFIN02.06.01&programId=BFIN02.06-Charges&chCatId=/mbb/Business/BFIN-Financing/BFIN02-TradeFinancing)

**6. BAGAIMANA SEKIRANYA SAYA GAGAL MEMENUHI OBLIGASI SAYA?**

▪ CAJ PEMBAYARAN LEWAT

PIHAK BANK BERTAHK MENGENAKAN TA'WIDH (PAMPASAN) ATAS BAYARAN LEWAT DAN KEMUNGKIRAN BAYARAN SEPERTI BERIKUT:

- A) BERDASARKAN KADAR ISLAMIK INTERBANK MONEY MARKET (IIMM) KE ATAS BAKI TERTUNGGAK MELEBIHI TARIKH LUPUT ATAU TARIKH MATANG; ATAU
- B) KAEDAH LAIN YANG DILULUSKAN OLEH BANK NEGARA MALAYSIA

▪ HAK PENYELESAIAN

PIHAK BANK DENGAN MEMBERI NOTIS KEPADA ANDA, BOLEH MENGGABUNG, MENYATUKAN ATAU MENGGABUNGAN SEMUA ATAU MANA-MANA AKAUN DAN LIABILITI ANDA DENGAN PIHAK BANK DAN BOLEH MEMBUAT PENYELESAIAN ATAU MEMINDAHKAN APA-APA JUMLAH YANG BELUM DIJELASKAN KEPADA MANA-MANA AKAUN UNTUK MENYELESAIKAN MANA-MANA LIABILITI ANDA KEPADA PIHAK BANK DI BAWAH KEMUDAHAN TERSEBUT.

**7. BAGAIMANA JIKA SAYA MENJELASKAN BAKI PEMBIAYAAN SEBELUM TEMPOH MATANG?**

TIDAK BERKENAAN. INI BUKAN PRODUK PEMBIAYAAN

**8. ADAKAH SAYA MEMERLUKAN SEBARANG INSURANS/ PERLINDUNGAN TAKAFUL?**

TIDAK BERKENAAN.

**9. APAKAH RISIKO UTAMA?**

SETELAH MENERIMA TUNTUTAN DARIPADA BENEFISIARI, PIHAK BANK AKAN MENUNAIKAN JAMINAN DENGAN MEMBUAT PEMBAYARAN DAN MENDEBIT AKAUN ANDA ATAU MENCAIRKAN CAGARAN ANDA.

**10. APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN JIKA TERDAPAT SEBARANG PERUBAHAN MAKLUMAT KEPADA BUTIR-BUTIR PERHUBUNGAN SAYA?**

ADALAH PENTING BAGI ANDA UNTUK MEMAKLUMKAN KEPADA KAMI MENGENAI SEBARANG PERUBAHAN MAKLUMAT PERHUBUNGAN ANDA UNTUK MEMASTIKAN ANDA DAPAT DIHUBUNGI ATAU MENERIMA SURAT-MENYURAT TEPAT PADA MASANYA. UNTUK MENGEMASKINI BUTIR-BUTIR PERHUBUNGAN ANDA, SILA HUBUNGI KAMI MELALUI SURAT ATAU HUBUNGI KAMI MELALUI SALAH SATU RANGKAIAN. CTH: M2U ATAU CAWANGAN.

**11. DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN BANTUAN DAN PEMBELAAN?**

- I) JIKA ANDA MEMPUNYAI MASALAH DALAM MEMBUAT BAYARAN, ANDA PERLU MENGHUBUNGI KAMI SECEPAT MUNGKIN UNTUK BERBINCANG MENGENAI PEMBAYARAN ALTERNATIF. ANDA BOLEH MENGHUBUNGI KAMI DI:

CAWANGAN : \_\_\_\_\_  
ALAMAT : \_\_\_\_\_  
TEL/FAKS : \_\_\_\_\_  
E-MEL : \_\_\_\_\_

- II) SEBAGAI ALTERNATIF, ANDA BOLEH MENDAPATKAN PERKHIDMATAN AGENSI KAUNSELING DAN PENGURUSAN KREDIT (AKPK), SEBUAH AGENSI YANG DITUBUHKAN OLEH BANK NEGARA MALAYSIA UNTUK MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PERCUMA MENGENAI PENGURUSAN WANG, KAUNSELING KREDIT DAN PENSTRUKTURAN SEMULA HUTANG UNTUK INDIVIDU. ANDA BOLEH MENGHUBUNGI AKPK DI:

TINGKAT 8, MAJU JUNCTION MALL  
1001, JALAN SULTAN ISMAIL  
50250 KUALA LUMPUR  
TEL: 1-800-22-2575 EMAIL: [ENQUIRY@AKPK.ORG.MY](mailto:ENQUIRY@AKPK.ORG.MY)

- III) JIKA ANDA TIDAK BERPUASHATI DENGAN CARA KAMI MENJAWAB PERTANYAAN ATAU ADUAN ANDA, ANDA BOLEH MENGHUBUNGI BANK NEGARA MALAYSIA LINK ATAU TELELINK DI:

BLOK D, BANK NEGARA MALAYSIA  
JALAN DATO'ONN  
50480 KUALA LUMPUR  
TEL: 1-300-88-5465  
FAX: 03-21741515 E-MEL: [BNMTELELINK@BNM.GOV.MY](mailto:BNMTELELINK@BNM.GOV.MY)

**12. DI MANA BOLEH SAYA MENDAPTKAN MAKLUMAT SELANJUTNYA?**

JIKA ANDA MEMPUNYAI SEBARANG PERTANYAAN, SILA HUBUNGI KAMI DI :

CAWANGAN:  
ALAMAT:  
TEL :  
E-MEL:

**PENAFIAN TUNTUTAN**

MAKLUMAT SERTA TERMA DAN SYARAT AM YANG DISEDIAKAN DALAM HELAIAN MAKLUMAT PRODUK INI ADALAH BAGI TUJUAN MEMBERI MAKLUMAT DAN TIDAK MENGIKAT PIHAK BANK. TERMA DAN SYARAT MUKTAMAD ADALAH SEPERTI YANG DITETAPKAN DALAM SURAT TAWARAN DAN PERJANJIAN KEMUDAHAN YANG TERTAKLUK KEPADA PENILAIAN KREDIT DAN KELULUSAN KEMUDAHAN INI.

**NOTA PENTING:**

PIHAK BANK BERHAK UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG JIKA ANDA GAGAL UNTUK MEMBUAT PEMBAYARAN TUNGGAKAN ANDA.

**MAKLUMAT YANG DISEDIAKAN DI DALAM HELAIAN INI SAH DARI DISEMBER 2018**